

Bahagian A

Jawab semua soalan.

6.1 Pengenalan Ekonomi Moden oleh Kuasa Barat di Negara Kita

- Anda mengadakan lawatan ke Raub di Pahang.
Apakah kegiatan ekonomi yang dimajukan di kawasan tersebut?
A Penanaman tebu
B Perlombongan emas
C Penanaman lada hitam
D Perlombongan tembaga

Buku Teks m.s. 139

- Syarikat Borneo Berhad telah ditubuhkan pada tahun 1856.
Apakah lokasi yang dipilih sebagai ibu pejabat syarikat tersebut?
A Kuching C Singapura
B Jesselton D Pulau Pinang

Buku Teks m.s. 139

- Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan ekonomi di negara kita.

Tahun	Peristiwa
1917	Pemodal X mengusahakan tanaman kelapa sawit secara komersial di Kuala Selangor

Apakah pemodal X?

- A British C Perancis
B Belanda D Sepanyol

Buku Teks m.s. 140

- Apakah tanaman yang diusahakan oleh pemodal di kedua-dua negeri berikut?

- Melaka
- Negeri Sembilan

- A Teh C Ubi kayu
B Nanas D Lada hitam

Buku Teks m.s. 140

- Aktiviti penanaman sagu berkembang maju dalam kalangan masyarakat tempatan di Sarawak.

Apakah kawasan yang terlibat dengan aktiviti penanaman tersebut?

- I Serian III Mukah
II Sarikei IV Bintulu
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 140

- Galian berikut diusahakan dengan menggunakan kaedah moden di Sarawak.

Antimoni

Di manakah galian tersebut dipasarkan?

- A India C Belanda
B China D Singapura

Buku Teks m.s. 142

- Apakah inovasi yang telah diperkenalkan oleh tokoh berikut untuk membolehkan anak-anak getah dibawa ke tempat yang jauh?



H.N. Ridley

- A Pelantikan ramai tandil
B Pengenalan sistem ibedem
C Pembungkusan dengan arang
D Penanaman dengan tanah liat

Buku Teks m.s. 143

- 8 Kawasan berikut terletak di Sabah.

Sungai Segama

Apakah hasil galian yang diusahakan di kawasan tersebut?

- A Emas C Tembaga
B Bijih besi D Arang batu

Buku Teks m.s. 144

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah diambil oleh pentadbiran Brooke di Sarawak.

Membawa masuk buruh X untuk mengusahakan tanaman getah.

Apakah buruh X?

- A Jawa C Aceh
B India D Brunei

Buku Teks m.s. 144

- 10 Tanaman berikut telah diusahakan secara komersial oleh pentadbiran Barat di Sarawak.

Tanaman tembakau

Apakah kawasan yang terlibat dengan penanaman tersebut?

- A Lundu C Bahagian Kedua
B Baram D Bahagian Ketiga

Buku Teks m.s. 145

6.2 Pentadbiran Barat Berkaitan dengan Ekonomi

- 11 Maklumat berikut berkaitan dengan tindakan yang telah dilakukan oleh Majlis Mesyuarat Persekutuan pada tahun 1913.

Boleh mengisytiharkan mana-mana tanah dalam sesebuah negeri sebagai hak orang Melayu menurut Akta Tanah Simpanan Melayu

Siapakah yang boleh membuat pengisytiharan tersebut?

- A Residen British
B Gabenor British
C Majlis Raja-raja Melayu
D Pesuruhjaya Tinggi British

Buku Teks m.s. 146

- 12 Sistem perundangan berikut telah diperkenalkan di negara kita pada tahun 1931.

Land Order

Apakah negeri yang terlibat dengan pelaksanaan sistem tersebut?

- A Melaka C Selangor
B Sarawak D Terengganu

Buku Teks m.s. 146

- 13 Apakah tanggungjawab yang diberikan oleh pentadbiran British kepada mereka yang menjawat jawatan berikut?

Kangani

- I Menguruskan tambang buruh
II Menguruskan perjalanan pekerja
III Menjamin keselamatan majikan
IV Memajukan kawasan perlombongan
A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV

Buku Teks m.s. 147

- 14 Jadual berikut berkaitan dengan peristiwa yang berlaku di negara kita semasa pentadbiran British.

Tahun	Tindakan
1882	Meluluskan Ordinan Buruh Kontrak

Mengapakah British berbuat demikian?

- A Melindungi golongan pekerja
B Menyekat kemasukan pekerja luar
C Menjaga kepentingan buruh peribumi
D Menggalakkan pengeksploitasian buruh

Buku Teks m.s. 147

- 15 Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat berikut semasa pentadbiran British di negara kita?

Boustead and Company

- A Insurans
B Pengeksportan
C Elektrik dan air
D Telekomunikasi

Buku Teks m.s. 148

- 16 Ordinan berikut telah diperkenalkan semasa pentadbiran British di negara kita.

Ordinan VIII

Apakah perkara yang berkaitan dengan ordinan tersebut?

- A Kesihatan
- B Kewangan
- C Perkilangan
- D Perhutanan

Buku Teks m.s. 149

- 17 Kuasa Barat telah memperkenalkan penggunaan mata wang asing di negara kita pada tahun 1580.

Apakah mata wang tersebut?

- A Mata wang Britain
- B Mata wang Mexico
- C Mata wang Belanda
- D Mata wang perak Sepanyol

Buku Teks m.s. 149

6.3 Kesan Ekonomi Akibat Pentadbiran Barat di Negara Kita

- 18 Apakah matlamat British memperkenalkan perkhidmatan kereta api di negara kita?

- A Menguasai ekonomi
- B Menyatukan penduduk
- C Mengukuhkan pertahanan
- D Memodenkan pentadbiran

Buku Teks m.s. 150

- 19 Pada tahun 1900, pentadbiran SBUB telah membina jalan kereta api di Sabah.

Pilih padanan yang berkaitan dengan kawasan yang terlibat dengan pembinaan jalan kereta api tersebut.

	Kawasan Terlibat	
A	Kudat	Penampang
B	Penampang	Beaufort
C	Beaufort	Jesselton
D	Jesselton	Pensiangan

Buku Teks m.s. 151

- 20 Berlaku perkembangan pembinaan jalan raya di negeri-negeri Melayu mulai tahun 1902 hingga 1939.

Apakah kesan perkembangan tersebut?

- I Pembukaan banyak petempatan baharu
- II Pembukaan kawasan perladangan getah
- III Perkembangan sistem telegraf
- IV Pembinaan lapangan terbang awam
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

Buku Teks m.s. 151

- 21 Pelabuhan berikut muncul selepas kedatangan British di negara kita.

Port Swettenham

Apakah nama bagi pelabuhan tersebut pada masa ini?

- A Pelabuhan Klang
- B Pelabuhan Port Weld
- C Pelabuhan Port Dickson
- D Pelabuhan Kuala Sepetang

Buku Teks m.s. 153

6.4 Kesan Sosial Akibat Perkembangan Ekonomi di Negara Kita

- 22 Bandar berikut telah dipilih sebagai pusat pentadbiran Dinasti Brooke.

Kuching

Apakah yang berkaitan dengan bandar tersebut?

- A Pusat perdagangan
- B Penemuan petroleum
- C Ibu negeri Sarawak
- D Pusat pendidikan

Buku Teks m.s. 155

- 23 Apakah faktor yang mempengaruhi kewujudan bandar Miri di Sarawak?

- A Pembinaan jalan raya
- B Penemuan petroleum
- C Perlombongan arang batu
- D Perkembangan pertanian

Buku Teks m.s. 155

- 24 Sistem pendidikan berikut telah dilaksanakan oleh pentadbiran British di negara kita.

Sistem pendidikan sekular

Apakah yang diberikan tumpuan melalui pelaksanaan sistem tersebut?

- A Ilmu keduniaan
- B Ilmu keagamaan
- C Ilmu persekitaran
- D Ilmu kurikulum tempatan

Buku Teks m.s. 158

- 25 Apakah matlamat British menubuhkan institusi pengajian berikut di negara kita?

Kolej Melayu Kuala Kangsar

- A Membentuk pendidikan moden
- B Melahirkan golongan pentadbir tempatan
- C Membentuk perpaduan dalam masyarakat
- D Memberikan peluang melanjutkan pelajaran ke negara lain

Buku Teks m.s. 159

- 26 Tokoh berikut pernah dilantik sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur.

Yap Kwan Seng

Apakah sumbangan beliau terhadap negara kita?

- A Membina hospital
- B Membina balai raya
- C Membina jalan raya
- D Membina bangunan kerajaan

Buku Teks m.s. 161

- 27 Pembinaan hospital berikut bertujuan untuk menempatkan pesakit di Sarawak.

Hospital Raja Brooke Memorial

Apakah kategori pesakit tersebut?

- A Tibi
- B Kusta
- C Malaria
- D Beri-beri

Buku Teks m.s. 162

Soalan 28 hingga 30 berdasarkan maklumat berikut.

Rumah Pasong

- 28 Apakah negeri yang terlibat dalam pembinaan binaan tersebut?

- A Sabah
- B Melaka
- C Sarawak
- D Pulau Pinang

Buku Teks m.s. 163

- 29 Siapakah yang dilantik untuk mengetuai pentadbirannya dari tahun 1918 hingga 1963?

- A Residen
- B Gabenor
- C Tuai Rumah
- D Pegawai Daerah

Buku Teks m.s. 163

- 30 Mengapakah binaan tersebut dibina oleh pentadbiran British?

- A Menempatkan pesalah
- B Menjadi kubu pertahanan
- C Mengumpulkan hasil bumi
- D Menjadi pusat pentadbiran

Buku Teks m.s. 163